



## **JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA**

### **TEKS KHUTBAH**

**Tajuk :**

**“KEWAJIPAN MEMELIHARA KEDAULATAN NEGARA”**

**Tarikh Dibaca :**

**11 MUHARRAM 1443H/  
20 OGOS 2021M**

**Disediakan oleh :**

**Jabatan Kemajuan Islam Malaysia**

**“KEWAJIPAN MEMELIHARA KEDAULATAN NEGARA”****(20 OGOS 2021 / 11 MUHARRAM 1443H)**

الْحَمْدُ لِلّٰهِ الَّذِي شَرَحَ صُدُورَ أَهْلِ الإِيمَانِ فَاسْتَقَامُوا عَلَى الْهُدَىٰ، وَجَعَلَ لِلأُمَّةِ مَنَابِرَ هُدَىٰ بِهِمْ يَقْتَدِي، وَأَضْلَلَ مَنْ شَاءَ بِعَدْلِهِ وَحِكْمَتِهِ وَمَنْ يُضْلِلُ فَلَنْ تَجِدَ لَهُ وَلِيًّا مُرْشِداً، وَنَشَدَ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللّٰهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ جَعَلَنَا خَيْرًا أُمَّةٍ وَأَنْزَلَ عَلَيْنَا خَيْرًا عِصْمَةً وَنَشَدَ أَنْ سَيِّدَنَا وَبَنِيَّنَا مُحَمَّدًا عَبْدَ اللّٰهِ وَرَسُولَهُ أَرْسَلَهُ اللّٰهُ لَنَا رَحْمَةً، اللّٰهُمَّ صَلِّ وَسِّلِّ عَلَى سَيِّدِنَا وَحَبِيبِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَاصْحَابِهِ الْخَيْرِ الْأَمَاجِدِ وَمَنْ تَبَعَهُمْ بِإِحْسَانٍ وَإِيمَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُؤْمِنُونَ، إِتَّقُوا اللّٰهَ، أُوْصِيُّكُمْ وَإِيَّاهُ يُتَقَوَّى اللّٰهُ جَلَّ وَعَلَا، فَقَدْ فَازَ الْمُتَقْوُنَ. قَالَ اللّٰهُ تَعَالَى فِي كِتَابِهِ الْكَرِيمِ، أَعُوذُ بِاللّٰهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ:

(يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا اتَّقُوا اللّٰهَ حَقَّ تَقْتِيهِ وَلَا تَمُوتُنَ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ)

**SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH,**

Saya ingin mengingatkan diri dan sidang jemaah sekalian, marilah kita tingkatkan keimanan dan ketakwaan kepada Allah SWT dengan melaksanakan suruhan-Nya dan meninggalkan larangan-Nya di samping berusaha mencari kehidupan yang diberkati dan

diredhai oleh Allah SWT. Mudah-mudahan kita berjaya menjadi insan yang beruntung di dunia dan di akhirat. Mimbar pada hari ini akan membicarakan khutbah bertajuk: **“Kewajipan Memelihara Kedaulatan Negara”.**

Mimbar juga ingin berpesan kepada sidang jemaah sekalian agar sentiasa mematuhi garis panduan dan SOP pencegahan penularan wabak Covid-19 yang telah dikeluarkan oleh pihak berkuasa. Teruskanlah memohon keampunan dan bermunajat kepada Allah SWT agar diangkat segera wabak ini. Bagi yang telah mendaftar dan mendapat janji temu suntikan vaksin Covid-19, pastikan anda hadir ke Pusat Pemberian Vaksin (PPV) pada tarikh dan masa yang telah ditetapkan. Manakala bagi yang belum mendaftar pula, segeralah berbuat demikian kerana ini antara ikhtiar kita untuk menyekat penularan wabak berbahaya ini di samping mencapai tahap imuniti berkelompok.

### **SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH,**

Kedaulatan bermaksud kuasa tertinggi yang dimiliki oleh sesebuah negara yang digerakkan oleh sesebuah institusi dalam masyarakat atau politik untuk membuat keputusan tentang hal-hal tertentu. Sebagai sebuah negara berdaulat yang terdiri daripada latar belakang yang pelbagai dari sudut agama dan bangsa, maka hubungan sesama kita perlu dijaga dengan erat dan sepakat supaya suasana yang sihat dapat dinikmati oleh semua pihak. Pada masa sama, kita perlu meneruskan usaha-usaha mengekalkan keharmonian, perpaduan, memupuk nilai-nilai patriotisme, memajukan ekonomi dan mengekalkan persefahaman sesama kita lebih-lebih lagi ketika masih berdepan pandemik Covid-19.

Apabila membincangkan soal kedaulatan negara, ia secara tidak langsung mempunyai kaitan dengan soal peranan pemimpin dan rakyat. Sememangnya setiap daripada kita bertanggungjawab dalam memastikan kemakmuran dan kedaulatan negara sentiasa terpelihara. Peranan ini penting dalam usaha membawa konsep perpaduan yang lebih jitu ke arah pembentukan sebuah negara bangsa yang benar-benar utuh. Firman Allah SWT dalam Surah Hud ayat 117:

وَمَا كَانَ رَبُّكَ لِيَهْلِكَ الْقُرْيَ بِظُلْمٍ وَأَهْلُهَا مُصْلِحُونَ

**Maksudnya:** “*Dan Tuhanmu tidak sekali-kali hendak membinasakan mana-mana negeri dengan sebab kezaliman penduduknya, selagi mereka sentiasa memperbaiki keadaan sesama sendiri*”.

### **SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH,**

Kita amat bersyukur, Malaysia masih dikekalkan dengan nikmat keamanan dan kemakmuran sehingga kini, sekalipun menghadapi kesukaran dan kebimbangan dek pandemik Covid-19. Justeru, mimbar melihat perlunya ada kesepakatan dan persetujuan bersama dalam membuat sebarang keputusan demi kemaslahatan umum demi memelihara kedaulatan negara. Perkara yang menjadi keutamaan ketika ini ialah usaha mencapai satu bentuk persetujuan mengenai hal membawa kebaikan kepada masyarakat secara keseluruhan.

Sesuatu yang amat terpuji jika setiap masyarakat bertindak atas dasar atau usaha yang dapat membawa kebaikan kepada satu sama lain dan negara keseluruhannya. Malah, setiap orang akan lebih dipandang tinggi dan dihormati kerana berjaya meletakkan keutamaan rakyat dan negara melebihi sentimen ideologi masing-masing. Setiap masyarakat perlu membina kesepakatan dan persefahaman yang tinggi sama ada dari kalangan pemimpin juga dalam kalangan rakyat.

Dalam konteks umat Islam, persaingan yang melampaui batas adab dan moral akan memberi kesan dan imej tidak baik kepada Islam itu sendiri. Ketika kita semua sedang berusaha memulihkan negara dari ancaman wabak ini, perlunya terbina satu kesepaduan yang jitu dalam kalangan seluruh masyarakat. Kesepaduan yang terbina ini seterusnya akan membantu mempercepatkan usaha pemulihan yang sedang dijalankan dan akhirnya akan menatijahkan kebaikan kepada seluruh negara. Insyah-Allah.

Jelas sekali, sebagai umat Islam kita lebih lagi dianjurkan bersatu padu dalam menghadapi apa juu situasi yang berlaku. Tidak dinafikan terdapat perbezaan namun ia bukanlah penghalang untuk kita bersatu hati. Perbezaan ideologi dan pandangan itu bahkan menjadi pelengkap antara satu sama lain dalam bersama-sama membina dan memelihara kedaulatan negara tercinta ini. Sifat taasub dan ego yang melampau hanya

akan mematikan hati daripada menerima kebenaran. Berpegang-teguhlah dengan Islam dan perpaduan sebagaimana yang diperintahkan oleh Allah SWT menerusi firman-Nya dalam Surah ali-Imran, ayat 103:

وَاعْتِصُمُوا بِحَبْلِ اللَّهِ جَمِيعًا وَلَا تَفْرَقُوهُ وَإذْكُرُوهُ نِعْمَتَ اللَّهِ عَلَيْكُمْ إِذْ كُنْتُمْ أَعْدَاءً فَالَّفَاظُ  
بَيْنَ قُلُوبِكُمْ فَاصْبِحُتُمْ بِنِعْمَتِهِ إِخْوَانًا وَكُنْتُمْ عَلَى شَفَا حُفْرَةٍ مِّنَ النَّارِ فَانْقَذَكُمْ مِّنْهَا  
كَذِلِكَ يُبَيِّنُ اللَّهُ لَكُمْ أَيْتَهُ لَعَلَّكُمْ تَهتَدُونَ

**Maksudnya:** “Dan berpeganglah kamu semua kepada tali Allah (agama Islam) dan janganlah kamu bercerai-berai. Dan ingatlah akan nikmat Allah kepada kamu ketika kamu dahulu (masa jahiliyyah) bermusuh-musuhan, maka Allah menjinakkan antara hati kamu, lalu menjadilah kamu dengan nikmat Allah orang-orang yang bersaudara. Dan kamu telah berada di tepi jurang neraka, lalu Allah menyelamatkan kamu daripadanya. Demikianlah Allah menerangkan ayat-ayat-Nya kepada kamu, agar kamu mendapat petunjuk”.

### SIDANG JUMAAT YANG DIMULIAKAN,

Ayuuhlah kita bersatu padu, berganding bahu dan bermuafakat demi memelihara kedaulatan dan keharmonian negara yang dicintai ini. Kita perlu sedar bahawa perpecahan dan persengketaan yang berterusan pastinya boleh meruntuhkan Islam dan negara. Musuh-musuh sentiasa mencari jalan untuk memecahkan kesatuan dan muafakat yang sedia terbina dan bertapak teguh. Jangan kita leka dan lalai sehingga mewujudkan peluang yang boleh menggadaikan kemakmuran dan kedaulatan negara.

Setiap daripada kita berperanan untuk memelihara keharmonian dan mewujudkan persekitaran aman. Imam al-Tirmidzi meriwayatkan hadis daripada Abu Hurairah RA bahawa Rasulullah SAW bersabda:

الْمُسْلِمُ مَنْ سَلَمَ الْمُسْلِمُونَ مِنْ لِسَانِهِ وَيَدِهِ، وَالْمُؤْمِنُ مَنْ أَمِنَ النَّاسُ عَلَى دِمَائِهِمْ وَأَمْوَالِهِمْ

**Mafhumnya:** “Seseorang Islam itu ialah yang menyelamatkan kaum muslimin melalui lidah (bicara) dan tangannya (kuasa dan perlakuan), dan orang yang beriman pula ialah orang yang dipercayai oleh orang lain dalam menjamin nyawa dan harta benda mereka”.

Di saat yang penuh keberkatan ini, mimbar menyeru sidang Jemaah sekalian marilah kita sama-sama berdoa ke hadrat Allah SWT agar dikurniakan kemakmuran dan kesejahteraan serta perlindungan kepada negara dan seluruh rakyatnya di mana berada. Semoga dengan itu, kedaulatan negara terus terpelihara dan selamat daripada segala mara bahaya. Mengakhiri khutbah, dapat dikumpulkan beberapa intipati utama antaranya ialah:

**Pertama:** Memelihara kemakmuran negara merupakan tanggungjawab bersama-sama untuk memastikan kedaulatan negara sentiasa terpelihara.

**Kedua:** Perlunya kesepaduan yang jitu dalam kalangan masyarakat dalam usaha memelihara kedaulatan negara.

**Ketiga:** Perbezaan ideologi bukanlah penghalang kepada perpaduan bahkan ia bertindak sebagai pelengkap antara satu sama lain.

Firman Allah SWT menerusi Surah al-Maaidah ayat 2:

وَتَعَاوَنُوا عَلَى الْبِرِّ وَالتَّقْوَىٰ وَلَا تَعَاوَنُوا عَلَى الْإِثْمِ وَالْعُدُوانِ وَاتَّقُوا اللَّهَ إِنَّ اللَّهَ شَدِيدُ<sup>الْعِقَابِ</sup>

**Maksudnya:** “Dan hendaklah kamu bertolong-tolongan untuk membuat kebajikan dan bertakwa, dan janganlah kamu bertolong-tolongan pada melakukan dosa (maksiat) dan pencerobohan. Dan bertakwalah kepada Allah, kerana sesungguhnya Allah Maha Berat azab seksa-Nya (bagi sesiapa yang melanggar perintahNya)”.

بَارَكَ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفْعَنِي وَإِيَّا كُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ،

وَتَقْبَلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تَلَاوَتُهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمِ لِيْ

وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءُ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ،  
فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

## KHUTBAH KEDUA

أَخْمَدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدِنَ النَّبِيِّ الْأَمِينِ، وَعَلَى أَهْلِهِ  
وَاصْحَাইِهِ الطَّاهِرِينَ وَمَنْ تَبَعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَشْهَدُ أَنَّ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّداً عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ.  
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ أَمْرَكُمْ بِأَمْرٍ عَظِيمٍ، أَمْرَكُمْ  
بِالصَّلَاةِ وَالتَّسْلِيمِ عَلَى نَبِيِّهِ الْكَرِيمِ، فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى: إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يَصْلُونَ عَلَى  
النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا صَلُوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا 56  
اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ  
سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا  
إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مُجِيدٌ.

وَارْضُ اللَّهُمَّ عَنِ الْخَلْفَاءِ الرَّاشِدِينَ وَعَنِ بَقِيَّةِ الصَّحَابَةِ أَجْمَعِينَ، وَعَنِ التَّابَاعِينَ وَتَابِعِيِ  
الْتَّابَاعِينَ وَمَنْ تَبَعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ وَارْضُ عَنَّا مَعَهُمْ يَا أَكْرَمَ الْأَكْرَمِينَ.  
اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءُ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ.

اللَّهُمَّ أَيْدِي بِدَوَامَ التَّوْفِيقِ وَالْهِدَايَةِ وَالصِّحَّةِ وَالسَّلَامَةِ مَلَكَنَا كِبَاوَهُ دُولِي يَعْ مَهَا مُولِيَا سَرِيْ قَدْوَكْ بِكِينِدا يَعْ دَقْرَتَوَانَ اَكْنُوْغُ ، السُّلْطَانُ عَبْدُ اللَّهِ رِعَايَةُ الدِّينِ الْمُصْطَفَى بِاللَّهِ شَاهُ اَبْنِ الْمَرْحُومِ سُلْطَانُ حَاجِ اَحْمَدَ شَاهُ الْمُسْتَعِنِ بِاللَّهِ.

وَكَذَلِكَ كِبَاوَهُ دُولِي يَعْ مَهَا مُولِيَا سَرِيْ قَدْوَكْ بِكِينِدا رَاجِ فَرْمَايِسُورِي اَكْنُوْغُ، تُونِكُو (Tunku) حَاجِهِ عَزِيزَةِ اَمِينَةِ مِيمُونَةِ إِسْكَنْدَرِيَّةِ بِنْتِ الْمَرْحُومِ الْمُتَوَكِّلِ عَلَى اللَّهِ سُلْطَانِ إِسْكَنْدَرِ الْحَاجِ.

اللَّهُمَّ احْفَظْ عُلَمَاءَهُ وَوَزَرَاءَهُ وَقَضَاهُ وَعَمَالَهُ وَرَعَايَاهُ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ بِرَحْمَتِكَ يَا أَرَحَمَ الرَّاحِمِينَ .

اللَّهُمَّ اجْعَلْ بَلَدَنَا مَالِيْزِيَا آمِنَاً مُطْمَئِنًا، سَخَاءَ رَخَاءَ، دَارَ عَدْلٍ وَإِيمَانٍ، وَآمِنٍ وَآمَانٍ، وَسَائِرَ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ .

اللَّهُمَّ أَعِرِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ ، وَدَمِرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ وَانْصُرْ مَنْ نَصَرَ الدِّينِ، وَاخْذُلْ مَنْ خَذَلَ الْمُسْلِمِينَ، وَأَعْلِ كَلِمَتَكَ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ .

اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْغَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ وَالْمُنْكَرَ وَالْمَحْنَ وَالْفَتْنَ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَنَ، مِنْ بَلَدَنَا هَذَا خَاصَّةً، وَمِنْ بَلَادَنَ الْمُسْلِمِينَ عَامَّةً، إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ. اللَّهُمَّ إِنَا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ، وَالْجَنُونِ، وَالْجَذَامِ، وَمِنْ سَيِّئِ الْأَسْقَامِ، يَا أَرَحَمَ الرَّاحِمِينَ .

Ya Allah! Dengan sifat-Mu Yang Maha Pemurah dan Maha Mendengar! Engkaulah yang Berkuasa atas tiap-tiap sesuatu. Kami hamba-Mu yang lemah merayu kepada-Mu agar Engkau angkat dan hilangkan segera wabak penyakit Covid-19 yang sedang melanda kami agar dapat kami melaksanakan syiar-Mu dengan sempurna. Hanya kepada-Mu juga Ya Allah, tempat kami mengadu dan memohon pertolongan.

Ya Allah! Jadikanlah kami dan keturunan kami orang-orang yang istiqamah mendirikan solat secara berjemaah. Sesungguhnya hanya kepada-Mu jua Ya Allah, doa kami mohon diperkenan dan diterima.

رَبَّنَا آتَنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.

عِبَادَ اللَّهِ،

\* إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَا عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ  
وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ 90

فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرُكُمْ، وَاسْكُرُوهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدُّكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ  
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.